



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
K E P I M P I N A N
P E R D A N A

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 AUGUST 2016



NAJIB TUN RAZAK sempat meluangkan masa bertanya khabar kepada isteri dan anggota keluarga **Jins Shamsuddin** (duduk, tengah) ketika berkunjung di kediaman seniman negara itu di Kuala Lumpur, semalam.

PM luang masa ziarah Jins Shamsuddin

um - 31/8/2016

KUALA LUMPUR 30 Ogos - Di sebalik kesibukan tugas, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sempat meluangkan masa menziarahi seniman negara, Tan Sri Dr. Jins Shamsuddin di kediamannya hari ini.

“Menziarahi Tan Sri Dr. Jins Shamsuddin di rumahnya. Tokoh seni negara yang amat saya hor-

mati,” katanya menerusi laman Twitter beliau hari ini.

Perdana Menteri turut memuat naik gambar beliau bersama bintang legenda era filem Tan Sri P. Ramlee yang kini uzur akibat penyakit alzheimer.

Turut kelihatan dalam gambar tersebut ialah isteri Jins, Puan Sri Halijah Abdullah dan

dua anaknya, Hang Jebat dan Hang Nadim.

Pengarah filem Bukit Kepong itu disahkan menghidap penyakit tersebut sejak empat tahun lalu, namun masih sihat dan tidak berhadapan dengan penyakit kronik seperti lemah jantung, kencing manis mahupun darah tinggi.